

**NO. SOALAN: 39**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN**

**TARIKH : 10.08.2017**

**RUJUKAN : 10074**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Mohd Zaim Bin Abu Hasan [Parit] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah usaha-usaha berterusan dan berkala KDN dalam menyelesaikan masalah PATI di negara ini.**

**SULIT**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang Mulia ini, dalam menyelesaikan masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di negara ini pihak Kementerian melalui Jabatan Imigresen Malaysia meneruskan tindakan penguatkuasaan secara holistik, menangkap serta mendakwa sebelum PATI diusir keluar ke negara asal. Tindakan juga diambil ke atas majikan yang menggaji PATI atau melindungi PATI atau membenarkan PATI berada di premis mereka sebagaimana peruntukan undang-undang di bawah Akta Imigresen 1963. Tangkapan PATI pada tahun 2015 adalah seramai 59,734 orang dan 49,496 orang pada tahun 2016. Bagi tahun 2017 (sehingga 31 Julai 2017) seramai 28,133 orang PATI telah ditangkap.**

**Jumlah PATI yang diusir pada tahun 2015 adalah seramai 83,920 orang dan 73,553 orang pada tahun 2016. Bagi tahun 2017 (sehingga 31 Julai 2017) seramai 33,152 orang PATI telah diusir.**

**Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang Mulia ini, Kerajaan juga melaksanakan Program PATI Serah Diri dan Pulang Secara Sukarela sejak tahun 2014 bagi menggalakkan PATI pulang ke negara asal secara sukarela dengan membayar kadar kompaun yang minimum. Seramai 170,791 orang PATI telah pulang ke negara asal melalui program ini pada tahun 2015. Manakala bagi tahun 2016**

**SULIT**

**SULIT**

**seramai 180,228 orang PATI dan 127,553 orang PATI telah pulang ke negara asal melalui program ini sehingga 31 Julai 2017.**

**Program E-Kad (*Enforcement Card*) merupakan satu inisiatif yang dilancarkan oleh Kerajaan bertujuan untuk memberi peluang kepada majikan yang menggaji PATI tanpa dokumen perjalanan yang sah dan bekerja secara haram di Malaysia diberikan kad kebenaran bekerja sementara bagi memenuhi keperluan sektor formal yang dibenarkan iaitu perkilangan, pembinaan, perkhidmatan, pertanian dan perladangan. E-Kad sementara pekerja asing ini hanya sah dari 15 Februari 2017 sehingga 15 Februari 2018 . Dalam tempoh pendaftaran sehingga 30 Jun 2017, seramai 31,140 orang majikan telah mendaftar dan 164,804 E-Kad telah dikeluarkan kepada PATI.**

**Jabatan Imigresen telah menjalankan ‘Ops Mega JIM’ bermula 1 Julai 2017 bagi menangkap dan menahan majikan dan PATI yang enggan berdaftar di dalam Program E-Kad. Sehingga 31 Julai 2017, sebanyak 1,472 buah premis telah diperiksa dan sebanyak 20,816 orang telah diperiksa. Manakala seramai 5,585 orang PATI telah ditangkap dan 117 orang majikan telah ditahan untuk siasatan.**